

Perbandingan Kepengarangan Syair Diraja Melayu Perak-Johor Era Milenium

Authorship Comparison of Royal Malay Poetry: Perak-Johor Millennium Era

ROSNANI BINTI IBRAHIM

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan kepengarangan dua penyair syair diraja Melayu pada era milenium. Syair, satu daripada wadah pengkaryaan penulis-penulis istana dalam era abad ke-16 hingga penghujung abad ke-19. Pada era ini, penceritaan dan pujian terhadap sultan menjadi idea kepengarangan. Walau bagaimanapun, corak kepengarangan sedemikian mula melemah, apabila berkembangnya sastera moden. Kehadiran kuasa Barat membawa corak kepengarangan yang pelbagai bentuk dan genre. Akibatnya, syair tidak lagi menjadi pilihan sebagai wadah penulisan. Syair Riwayat Yang Amat Mulia Tengku Ampuan Besar Pahang (1953) rakaman terakhir sejarah golongan diraja. Pada era milenium ini muncul dua karya, Syair Sultan Azlan Shah Berjiwa Rakyat (2009) oleh Mohd Ibrahim bin Said dan Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar (2018) oleh Maskiah binti Masrom. Kedua-dua penulis ini menjadikan raja sebagai idea kepengarangan. Persoalannya, apakah idea yang ingin disampaikan oleh kedua-dua penulis ini dalam mempersempah penceritaan berhubung raja-raja mereka? Bagi menjawab persoalan ini, kedua-dua teks syair diraja ini telah dijadikan sampel kajian. Teori perbandingan sastera diaplikasi dalam usaha untuk meneliti kepengarangan mereka dalam mempersempah idea rakaman sejarah diraja pada era milenium. Kaedah kajian secara intrinsik terhadap sampel kajian juga turut digunakan. Dapatkan kajian menemukan terdapat persamaan kepengarangan dalam menjulang dan memartabatkan rajanya. Dapatkan ini meliputi tiga skop iaitu keluhuran, nasab keluarga dan pendidikan.

Kata kunci: Kritikan sastera; teori perbandingan; kepengarangan; syair diraja; syair milenium

ABSTRACT

The authorship of two poets from the millennium Malay poetry is discussed in this article. Poetry is one of the greatest achievements of palace writers from the sixteenth through the nineteenth centuries. Storytelling and glorification of Sultans established the idea of authorship throughout this period. As modern literature grew, however, the pattern of such authorship began to wane. The existence of Western power results in a pattern of authorship that is multi-form and genre-shaped. Poetry is no longer an option as a writing platform. The latest documentation of the royals' history is Syair Riwayat Tengku Ampuan Besar Pahang (1953). Two works appeared in the millennium era: Mohd Ibrahim bin Said's Syair Sultan Azlan Shah Berjiwa Rakyat (2009) and Maskiah binti Masrom's Syair DYMM Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar (2018). Both authors turned the king into a literary subject. To get to the bottom of it, what concept did these two authors utilise to narrate their kings? Both royal manuscripts were used as research samples. The comparative literary theory was used to investigate their authorship in providing the idea of chronicling the monarch's history in the millennium age. For the samples, intrinsic study methods were also applied. The study discovered that authorship and upholding the king had commonalities in three areas: sublimity, familial history, and education.

Keywords: Literary criticism; comparative theory; authorship; royal poetry; millennial poetry

PENDAHULUAN

Hamzah Fansuri dikatakan individu pertama yang mempelopori syair melalui karya agamanya dalam bentuk puisi. Objektifnya agar ajaran syariat, tarekat dan tasawufnya dapat dikembangkan dan difahami khalayak (Abdul Hadi W.M. 1995). Bermula

dari pada itu, karya-karya puisi dalam bentuk syair mula berkembang dengan muncul pelbagai genre. Mohd Amin penulis kepada Sultan Hassanudin telah melakarkan satu sejarah peperangan yang berlaku pada tahun 1667 hingga 1668. Peperangan yang berlaku antara Belanda dengan Kerajaan Guwa. *Syair Perang Makasar* yang diolah oleh beliau

adalah rakaman sejarah peperangan tersebut. Usaha penulisan Mohd Amin ini adalah satu perubahan baharu yang dibawanya dalam menjadikan syair sebagai wadah pemikiran untuk rakaman sejarah atau peristiwa perang berlaku ketika itu. Inilah yang dikatakan oleh Ali Ahmad (1996: XV) di samping kehadiran Islam yang membawanya bersamanya satu keintelektualan iaitu syair, Islam juga telah memperkenalkan satu mode baru iaitu puisi dalam melahirkan karya naratif. Kesan kekuatan Islam bukan semata-mata memperkenalkan jenis dan ciri estetik baru, malahan juga menusukkan pengaruhnya ke dalam karya naratif. Situasi ini membentuk penghasilan karya peribumi yang unggul, karya-karya bercorak sejarah.

Mode kepengarangan dengan syair sebagai wadah penyampai pemikiran inilah melahirkan karya-karya lain bercorak sejarah. Muncul karya-karya sejarah hasil tulisan individu yang rapat dengan pemerintah. Situasi ini telah menambah hasil karya sastera Melayu tradisional terutama karya yang melakarkan latar belakang dan kehidupan raja atau pemerintah melalui syair sebagai mediumnya. *Syair Sultan Mahmud Lingga* adalah antara syair terawal yang membicarakan isu ini. Syair ini ditulis oleh Che Lah dari Terengganu dalam era 1784 yang menceritakan kisah kehidupan raja Sultan Mahmud Syah berserta keluarganya yang memerintah ketika itu. Akhir abad ke-19, lahir *Syair Almarhum Baginda Sultan Abu Bakar di Negeri Johor* oleh Na Tian Piet (1896) dan *Syair Sultan Abu Bakar* (1899-1900) oleh ‘Peranakan Lingga.’ Awal abad ke-20, *Syair Tuan Hampris* dicipta Hjh. Wok Aisyah Hj. Nik Idris (1928) dan diikuti *Syair Tawarikh Sultan Zainal Abidin Yang Ketiga* (1936) karangan Tengku Dalam Kalthum (TDK) binti Tengku Wok Khazaki. Sementara Mohd. Said Sulaiman di Johor Bahru dengan *Syair Riwayat Yang Amat Mulia Tengku Ampuan Besar Pahang* (1953). Karya-karya inilah yang masih berbaki sebelum tradisi persuratan Melayu tradisional ini digantikan oleh sastera moden. Syair sebagai wadah pengkaryaan kian dilupakan. Lahirnya, dua karya yang bangkit pada era milenium abad ke-21 dalam zaman kontemporer ini, membawa misi yang selari dengan pengarang era 17 hingga ke-19. Dua buah syair iaitu *Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat* yang diterbitkan pada tahun 2009 hasil karya Ibrahim Mohd Said dan *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar* tulisan Dr. Hajah Maskiah Masrom diterbitkan pada tahun 2018. Raja atau pemerintah

tertinggi dalam negeri masing-masing iaitu Perak Sultan Azlan Shah, dan Johor DYMM Sultan Ibrahim telah dijadikan model penceritaan sebagai dokumentasi rakaman sejarah. Bertunjangkannya situasi ini, makalah ini ingin membincangkan apakah idea, isi atau bahan yang digunakan dalam kepengarangan mereka? Dalam usaha penyair untuk menyampaikan, menulis, mengembang, membicara dan mengupas berhubung raja atau pemerintah tertinggi bagi negeri masing-masing. Sedangkan kedua-dua penulis ini bukanlah individu yang rapat dengan golongan istana. Selain itu, penulis-penulis ini juga tiada akses dengan pihak istana.

KAJIAN LEPAS

Terdapat beberapa kajian yang dilakukan dalam genre syair diraja. Antara contoh kajian yang dijalankan dalam genre ini ialah kajian Muhammad Yusuf Hashim pada tahun 1991 terhadap teks *Syair Tawarikh Zainal Abidin Yang Ketiga*. Muhammad Yusuf Hashim menggunakan tiga teks syair yang berkaitan dengan Sultan Zainal Abidin. Tiga teks berkenaan ialah *Riwayat Terengganu Darul Iman*, *Syair Tawarikh Zainal Abidin Yang Ketiga* dan Teks X (Menurut Mohd Yusuf Hashim, teks C ini tidak dapat diberi sebarang judul kerana bahagian awal dan akhir teks ni telah hilang. Jika dibandingkan dengan teks A dan teks B. Jelas tertulis tajuk teks masing-masing (1991: 56). Kajian beliau bukan sahaja bersifat penyelenggaraan tetapi juga penganalisisan. Analisis terhadap tiga buah teks Melayu tradisional syair sebagai wadahnya dan sejarah tentang negeri Terengganu. Ketiga-tiga teks ini dijadikan sandaran untuk penelitian secara kritis dan mendalam berhubung penggunaan kaedah juga pendekatan yang digunakan oleh penulis Melayu masa lampau dalam menulis sejarah masyarakat tempat penulis berada. Hasil kajian ini menemukan bahawa Tengku Dalam Khaltum menggunakan fakta sejarah dalam syair ini. Seterusnya, kajian Noriah Mohamed (2001) terhadap *Syair Sultan Almarhum Baginda Sultan Abu Bakar di Negeri Johor*. Teks *Syair Almarhum Baginda Sultan Abu Bakar di Negeri Johor* hasil tulisan Na Tian Piet dijadikan teks analisisnya. Kajian ini ditumpukan kepada luaran dan dalaman teks. Luaran teks meliputi pengarang dan kepengarangan serta pentarikhan. Selain itu, Noriah Mohamed juga turut membandingkan teks

Syair Almarhum Baginda Sultan Abu Bakar di Negeri Johor oleh Na Tian Piet dengan teks *Syair Sultan Abu Bakar*; kajian karya seorang kelana yang berada di Pahang. Perbandingan yang dilakukan adalah untuk membuktikan bahawa sultan yang menjadi fokus penulisan karya kedua-dua penulis ini kerana faktor sikap baginda. Sikap baginda yang amat memikat. *Analisis Struktur dan Nilai Budaya Syair Bertema Sejarah: Syair Sultan Mahmud di Lingga, Syair Perang Banjarmasin dan Syair Raja Siak* hasil kajian Nikmah Sunardjo, Sulistiati dan Yeni Mulyani (2001). Ketiga-tiga pengkaji ini menjadikan tiga teks syair sebagai bahan analisis iaitu *Syair Sultan Mahmud di Lingga, Syair Perang Banjarmasin* dan *Syair Raja Siak*. Kajian ini tertumpu kepada dalaman teks atau struktur cerita seperti tema, amanat, penokohan, latar, dan nilai budaya. Analisis struktur dilakukan untuk mengetahui nilai budaya yang terkandung di dalam teks-teks berkenaan. Penelitian dalam konteks penokohan dan latar dilakukan untuk menemukan syair bertema sejarah secara tuntas. Hasil kajian menemukan bahawa nilai-nilai budaya yang terdapat dalam ketiga-tiga teks berkenaan termasuklah hubungan manusia dengan Tuhan dan hubungan manusia dengan masyarakat. *Syair Tawarikh Zainal Abidin Yang Ketiga Sebuah karya Agung Terengganu* hasil penelitian Jelani Harun yang terbitkan dalam Jurnal Iman pada tahun 2015. Hasil penelitian ini untuk membincangkan kekuatan dan kedudukan *Syair Tawarikh Zainal Abidin Yang Ketiga* yang mampu untuk meletakkan karya ini sebagai sebuah karya agung. Hasil kajian ini menyatakan bahawa teks syair ini sememangnya layak untuk diangkat sebagai sebuah karya agung. Berdasarkan penelitian terhadap kajian lepas bahawa penekunan terhadap karya puisi terhadap teks syair diraja era milenium ini masih belum dikerjakan. Berlandaskan situasi ini adalah satu kelompongan yang perlu diisi. Justeru, artikel ini ingin mengetengahkan perbincangan secara perbandingan dengan menggunakan teks karya syair Diraja yang diterbitkan pada tahun 2009 dan 2018 iaitu *Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat* dan *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar*. Artikel ini bertujuan membandingkan kepengarangan kedua-dua teks syair ini dalam mempersempahkan karya syair mereka berhubung pemerihalan, pengangkatan dan penyanjungan penyair terhadap raja bagi negeri masing-masing.

OBJEKTIF KAJIAN

Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat dan *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar*, dua karya syair baharu dalam era milenium. Oleh itu objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti perbandingan kepengarangan syair diraja Melayu Perak-Johor.
2. Membandingkan kepengarangan syair diraja Melayu Perak-Johor ini.

BATAS KAJIAN

Kajian ini dibataskan pada tiga idea, skop dan kriteria penulisan berhubung dua pemerintah bagi kedua-dua negeri berkenaan. Tiga idea, skop dan kriteria berkenaan berhubung keperibadian, nasab keluarga dan pendidikan yang dicapai oleh kedua-dua sultan berkenaan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian secara kualitatif digunakan dalam kajian ini. Kaedah kualitatif ini dipilih kerana penganalisaan yang digunakan ialah penelitian secara berulang kandungan kedua-dua teks karya ini. Pembacaan rapi dilakukan terhadap dua teks kajian ini. Kajian secara kualitatif ini dilakukan untuk pemahaman penyampaian idea atau isi cerita daripada teks-teks ini. Pembacaan rapi terhadap teks *Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat* dan *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar* dijalankan untuk mendapatkan maklumat berhubung inti atau idea yang dijadikan fokus kajian. Kaedah analisis kandungan diaplikasikan bagi mendapatkan maklumat berhubung idea penulisan. Idea penulisan untuk mendapatkan maklumat berhubung kepengarangan kedua-dua penulis dalam memerihalkan dan mengangkat raja bagi negeri masing-masing. Maklumat atau data yang diperoleh, dikumpul untuk dianalisis dengan menggunakan teori perbandingan. Analisis ini dilakukan untuk melihat idea penulisan yang diguna pakai oleh kedua-dua pengarang ini mengangkat golongan diraja ini dalam karya-karya mereka.

DATA KAJIAN

Kajian ini dijalankan terhadap dua buah teks syair iaitu:

1. *Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat* yang diterbitkan pada tahun 2009 hasil karya Ibrahim Mohd Said.
2. *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar* tulisan Maskiah Masrom dan diterbitkan pada tahun 2018.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat dan *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar* dua karya syair diraja yang lahir dalam era milenium. Sanjungan dan penghormatan terhadap raja dan sultan masing-masing menjadi idea penceritaan. Berdasarkan penelitian ini menemukan bahawa kedua-dua pengarang memartabatkan raja dan sultan masing-masing dengan tiga kriteria iaitu keperibadian, nasab keluarga dan pendidikan.

KEPERIBADIAN

KELUHURAN

Keluhan adalah antara sifat murni, mulia dan terpandang yang dimiliki oleh seseorang. Rendah hati dalam konteks tidak sompong dan angkuh. Taat ialah kesetiaan dan kepatuhan. Rendah hati dan taat, dua keperibadian luhur yang ditonjolkan pengarang dalam teks syairnya *Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat* melalui rajanya Sultan Azlan Shah. Keperibadian sedemikian juga dimiliki oleh Sultan Ibrahim yang digambarkan oleh pengarang dalam teks *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar*.

RENDAH HATI

Kedudukan dan darjah yang dimiliki bukan satu tiket untuk seseorang itu bersifat sompong dan angkuh. Sultan Azlan Shah dilukiskan oleh penulis dalam teks syairnya ini sebagai seorang yang rendah hati. Baginda hidup dan bergaul dengan orang kebanyakan tanpa mempedulikan taraf dan kedudukan yang dimiliki sebagai seorang anak yang berketurunan darah raja. Baginda juga digambarkan sebagai pemimpin yang menghormati perbezaan bangsa, agama dan kepercayaan dalam

sebuah negara yang merdeka. Justeru, Sultan Perak ini bergaul dengan rakyat berbilang bangsa dan agama tanpa rasa prasangka. Malah baginda tidak memandang kedudukannya sebagai putera raja menjadi penghalang untuknya menikmati hidup dalam perbezaan darjah dan kedudukan. Bagi baginda, kehidupan sebagai putera raja tidak menjadi batas penghalang dalam hidup kebersamaan.

Demikian sikap Tunku Azlan,
Seorang raja berjiwa kerakyatan,
Dari kecilan bermain bergaulan,
Segala bangsa semuanya kawan.

Sejak kecil luas pergaulan,
Semua bangsa menjadi taulan
Tiada mengira warna batasan,
Tiada benteng dalam pergaulan.

(Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat R, 217 & 847)

Sifat rendah hati yang dimiliki oleh Sultan Ibrahim juga dilukiskan oleh penulis dalam *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar*. Sultan Ibrahim diolah dan digambarkan sebagai seorang raja atau sultan yang tidak angkuh dan sompong. Sultan Ibrahim tidak menjadikan kedudukan sebagai pemerintah negeri satu benteng pemisah antara baginda dengan rakyat. Malah kedudukan ini digunakan sepenuhnya oleh baginda sebagai satu platform untuk menabur baktinya kepada rakyat lindungannya. Baginda berpegang kepada prinsip bahawa kedudukannya sebagai raja atau sultan tidak menjadi penghalang untuk dirinya bertemu dengan rakyat jelata. Oleh itu, baginda sentiasa mendekati rakyat untuk merakyatkan dirinya. Maka program Kembara Rakyat baginda ilhamkan. Objektif, agar baginda dapat bertemu dan bermesra dengan rakyat melalui program ini. Baginda menjadikan program ini sebagai satu aktiviti tahunan yang wajib dilunaskan. Menerusi program ini baginda menjelajah seluruh negeri Johor selama tempoh tujuh belas tahun iaitu dari 2001 hingga 2017. Sultan Ibrahim turut membawa bersama-sama keluarga baginda tanpa suasana yang tidak formal dan tanpa protokol. Baginda juga membawa bersama-sama harapan rakyat dengan menyumbang keperluan rakyat seperti komputer, pukat, kerusi roda, basikal, hamper, makanan dan wang tunai.

Keangkuhan dan kesombongan bukan lambang yang dinukilkan penulis terhadap raja yang disanjung.

Penulis syair diraja Johor ini mengungkapkan bahawa rajanya adalah sangat rendah hati dan berjiwa rakyat. Sikap menghormati dan saling berkunjung bertemu rakyat menjadi sikap dan cara hidup baginda. Malah dalam mempraktikkan cara hidup sedemikian dilakukan baginda bersama-sama rakyatnya untuk memartabat juga menjulang suruhan Allah SWT. Baginda menjadikan acara-acara keagamaan yang berkaitan syariat juga ajaran Allah dalam mendekati hidup bersama-sama rakyat. Bulan Ramadan yang sarat dengan suruhan dan kehendak agama Islam dijadikan platform oleh baginda untuk lebih dekat dengan rakyat. Sebagai contoh program berbuka puasa dan solat tarawih telah menjadi satu isian acara untuk baginda bersama-sama dengan rakyatnya tanpa berasa sebarang perbezaan kedudukan. Bagi baginda dirinya adalah sama di sisi Allah, cuma di dunia diberi kedudukan sebagai golongan raja yang wajar memimpin dengan sempurna.

Datang Ramadan bulan berkat
Disinggahi masjid jauh dan dekat,
Qariah datang melaut amat,
Berbuka puasa bersama rakyat.

Baginda tunaikan solat terawih,
Di kota di desa tanpa memilih,
Ikhlas berukhwah tak kenal letih,
Itu petanda pemimpin yang soleh.

(*Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R43 & 44*).

TAAT

Sultan Azlan Shah sultan negeri Perak ini berpegang teguh kepada ajaran agama Islam yang menekankan ketaatan seorang anak kepada kedua orang tuanya, terutama kepada seorang ibu. Bagi Sultan Perak ini ajaran Nabi Muhammad SAW bahawa "syurga itu terletak di bawah kaki ibu menjadi pegangan hidup baginda. Hal ini dirakam dengan jelas oleh penulis dalam petikan teks syair ini.

Teguh akar pohon seribu,
Syurga terletak di bawah kaki ibu,
Demikian pegangan diamalkan Tuanku,
Raja Azlan memegang falsafah begitu.

(*Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat R 99*)

Teks yang berjudul *Tokoh-tokoh Batu Gajah, Perak* diterbitkan pada tahun 2003 oleh Arkib Negara Malaysia, jelas memperkuuhkan bahawa

Sultan Azlan Shah adalah seorang yang mentaati ibunya. Pegangan hidup bahawa "Syurga terletak di bawah kaki ibu" sememangnya menjadi satu kata-kata azimat yang dipasak kukuh dan utuh dalam dirinya.

Bonda baginda dilahirkan di Batu Gajah. Baginda amat menyayangi bondanya sejak kecil. Baginda memegang teguh kepada kata-kata Hadith bahawa "syurga adalah di bawah tapak kaki ibu". Sehingga sekarang, Baginda sentiasa menziarahi makam bondanya di Batu Gajah. Jalinan kasih inilah yang memberi dorongan besar kepada baginda untuk menempuh kehidupan.

(Anon 2003: 15)

Sebagai lambang ketaatan kepada bonda baginda sebuah masjid dibina di Batu Gajah yang dinamakan Masjid Toh Puan Besar Hatijah. Masjid ini dibina pada tahun 1930, namun atas titah baginda Sultan Azlan Shah, masjid ini diperbaharui semula pada tahun 2006 dan diubah daripada Masjid Daerah Batu Gajah kepada Masjid Toh Puan Besar Hatijah sebagai satu lambang pengabdian, penghargaan dan ketaatan seorang putera kepada bondanya. Atas rasa kasih, sayang dan sebuah ketaatan ini maka masjid yang dikatakan terindah di Perak ini dibina semula dengan seni bina yang menyerupai beberapa masjid terkemuka di dunia seperti Masjid Al-Aqsa, Masjid Nabawi dan beberapa masjid di Palestin dan Syria.

Sultan Ibrahim sultan Johor yang dilukiskan oleh Miskiah Masrom dalam teks syairnya turut menggambarkan bahawa baginda adalah seorang yang taat. Dalam gambaran pelukisan sultan atau raja Johor ini dapat dikatakan bahawa lambang ketaatan baginda dapat dikategorikan kepada dua bahagian. Pertama ketaatan kepada Allah Yang Esa. Kedua ketaatan kepada tugas dan amanah sebagai seorang pemimpin negara. Ketaatan baginda kepada perintah dan ajaran Allah SWT dapat ditemukan dalam usaha baginda mendekati rakyat. Baginda telah menjadikan majlis atau program yang berunsurkan keagamaan dalam usahanya mendekati rakyat. Ini bermakna baginda telah melaksanakan satu cara dan langkah yang sungguh praktikal, bermanfaat juga berkesinambungan dengan sesuatu yang lain. Jelasnya, dalam baginda menunaikan amanah dan suruhan Allah baginda turut melaksana tugas sebagai pemimpin. Misalnya, baginda akan menjelajah ke seluruh masjid yang terdapat di Johor untuk menunaikan solat Jumaat. Baginda menjadikan ruang mendekati Allah melalui perintahnya, Dalam pada masa yang sama baginda

mengambil peluang ini menemui rakyat jelata yang terdapat di setiap pelosok di tanah Johor. Tegasnya, ketaatan baginda kepada Allah SWT jelas terlihat dalam konteks ibadahnya melalui solat Jumaat menjadi satu kewajipan sebagai hamba untuk ditunaikan. Tuntasnya, ketaatan baginda kepada Allah SWT jelas terlihat dalam lunas kewajipan seorang hamba. Hal ini juga membuktikan bahawa, inilah gaya kepengarangan yang diaplikasikan oleh penulis Johor dalam syairnya berhubung ketaatannya kepada Allah dan amanah yang dipikul.

Kala dilantik pemangku raja,
Santuni ramai rakyat jelata,
Solat Jumaat di mana sahaja,
Lima tahun lama tempohnya.

(*Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R42*)

Ketaatan Sultan Johor terhadap tugas dan amanah sebagai manusia kepada penciptanya jelas dilukiskan pengarang melalui suruhan Allah dalam rukun Islam yang ketiga iaitu berpuasa di bulan yang suci. Kewajipan berpuasa di bulan Ramadan ini telah baginda laksanakan. Dalam menjalankan tugas dan amanah ini, baginda ‘gabungjalinkan’ bersama tanggungjawabnya sebagai pemimpin. Baginda laksanakan tugas juga amanah sebagai hambanya melunaskan puasanya di bulan Ramadan dengan menjadikan ruang ini untuk baginda bertemu rakyatnya. Program berbuka puasa bersama-sama rakyat baginda jalinkan dengan peranan ketaatan baginda kepada suruhan Allah SWT dalam rukun Islam yang ketiga iaitu berpuasa di bulan Ramadan. Masjid-masjid yang ada di seluruh pelosok tanah Johor baik yang jauh mahu pun dekat telah baginda jadikan kunjungan wajibnya sepanjang bulan suci iaitu Ramadan. Semuanya ini baginda laksanakan sejak bergelar pemimpin negeri berkenaan. Bagi baginda dengan menghadiri majlis-majlis berbuka puasa di masjid-masjid yang terdapat di bumi Johor memberi peluang kepada baginda untuk menyantuni seluruh rakyatnya.

Datang Ramadan bulan berkat,
Disinggahi masjid jauh dan dekat,
Qariah datang melaut amat,
Berbuka puasa bersama rakyat.

(*Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R43*)

NASAB KELUARGA

Nasab keluarga dikatakan sebagai satu ikatan atau kesatuan keluarga yang besar. Diikat dengan pertalian satu darah atau genetik. Sebuah keluarga bermula dari pasangan suami isteri yang menjadi ibu dan bapa kepada anak-anak. *Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat* dan teks *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar* memuatkan nasab keluarga diraja masing-masing dalam mempersesembahkan karya mereka.

KELUARGA

Penulis Perak *Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat* hanya memaparkan susur keluarga Sultan Azlan Shah daripada keturunan ibu dan bapanya sahaja. Penulis syair ini hanya menyentuh hubungan kekeluargaan untuk mengaitkan susur galur Raja Azlan Shah ini. Kelahiran pemerintah ini bermula atas kehendak serta keinginan Sultan Yusuf iaitu pemerintah Sultan Perak ke-32 untuk memiliki anak lelaki sebagai pewaris takhtanya. Tanpa kehadiran anak lelaki bermakna pewaris takhtanya tiada pengganti.

Anak gahara ternanti-nanti,
Menunggu buah gugur sendiri,
Menanti menunggu berhari-hari,
Tiada juga buah jatuh sendiri.

Baiklah beta berkahwin lagi,
Semoga Allah maha memberi,
Mengurniakan beta putera diingini,
Demikian terlintas terguris dikalbi.

(*Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat R143-144*)

Untuk memastikan kelangsungan keturunan ini, Sultan Yusuf telah mengahwini Hatijah Puan. Hatijah Puan adalah anak kepada seorang kerani yang berasal dari Kota Lama Kanan. Hatijah Puan adalah anak kepada Encik Ahmad. Pemilik ladang getah dan perlombongan di Batu Gajah Perak. Beliau digambarkan sebagai orang berharta dan kediamannya laksana sebuah kota. Encik Ahmad juga adalah daripada golongan bijak pandai kerana kemampuannya menulis dan membaca pada zamannya. Kekayaan dan kebijaksanaan adalah pujian dan sanjungan penulis terhadap rajanya. Biarpun baginda, Sultan Azlan Shah lahir bukan daripada permaisuri Sultan Yusuf. Namun pemilihan

waris wanita yang bakal dikahwini dari orang kebanyakan memiliki kekayaan dan kebijaksanaan. Setelah puterinya Hatijah Puan dikahwini oleh Sultan Yusuf, Encik Ahmad telah diberi gelaran Tok Indera Dewangsa.

Sebelum bergelar orang berbangsa,
Kerani Ahmad insan biasa,
Puteri jelitanya dilamar Raja,
Gelaran diberi Tok Indera Dewangsa.

‘Kerani Ahmad’ bergelar Tok Dewangsa,
Pandai menulis-mengarang membaca,
Orangnya terkenal banyak berharta,
Rumahnya besar bagaikan kota.

(*Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat R152 & 154*)

Bagi teks syair dari Johor pula, penulis memuatkan keseluruhan biodata diri ahli keluarga rajanya. Miskiah Masrom telah merakamkan biodata keluarga diraja Johor ini dalam satu bahagian yang khusus. Bahagian Kedua dengan tajuknya Syair Keluarga Diraja Johor. Dalam bahagian ini penulis merakamkan sejarah keluarga diraja Johor dalam aspek tarikh kelahiran, pendidikan, kerjaya, keistimewaan dan kelebihan. Sebanyak 132 rangkap diperuntukkan oleh penulis dalam penceritaan tentang keluarga diraja ini. Dalam bahagian ini penulis juga turut mengelaskan penulisan syairnya mengikut hierarki iaitu daripada isteri Tuanku Mahkota, diikuti anak-anak dan menantunya juga. Isteri Tuanku Mahkota, Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Iskandar al-Muwakkil Alallah Shah Afifullah digambarkan sebagai wanita yang manis dan bersopan santun. Raja Zarith mempunyai pendidikan yang tinggi dan memiliki kelulusan dalam ijazah Sarjana Muda dan peringkat Sarjana dari Universiti Oxford London.

Terbang ke Oxford pencapaian hebat,
Membanggakan segala kaum kerabat,
Belajar dengan bersungguh amat,
Potensi diri semakin meningkat.

(*Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R112*)

Putera sulung Tuanku Mahkota Johor, Duli Maha Mulia Tuanku Ismail Idris Abdul Majid ibni Sultan Ibrahim diputerakan pada 30 Jun 1984. Mendapat pendidikan peringkat sekolah rendah di Sri Utama dan St. Joseph. Singapura negara yang

menjadi lokasi pendidikan peringkat menengah iaitu di *Australian International School*. Seterusnya, baginda ke Australia menuntut ilmu di Hale School Perth. Baginda memilih untuk mengikuti latihan ketenteraan di Akademi Tentera India atau Indian Military Academy (IMA). Tuanku Tun Aminah Maimunah Iskandariah binti Sultan Ibrahim atau lebih dikenali dengan panggilan Tunku Inah anak kedua kepada Tuanku Ibrahim. Lahir pada 8 April 1986. Mendapat pendidikan di Sekolah Rendah Sri Utama dan St. Joseph. Kemudian meneruskan pendidikan menengah di Singapura iaitu di Kolej Salle, seterusnya di Sekolah Antarabangsa. Meminati sukan lasak iaitu sukan menunggang kuda, juga memiliki bakat seni yang diwarisi daripada ibu tercinta hingga mampu melahirkan banyak hasil lukisan yang dianggap setara pelukis handalan. Puteri raja ini juga mencintai dunia kecantikan dan kerana itu lahirlah produk kecantikan yang dikenali sebagai Luvins. Sinonim dengan kecantikan diri, puteri raja ini juga berminat dalam dunia fesyen dan peragaan.

Tuanku sekali lagi mencipta nama,
Sebagai pegawai asing pertama,
Mengetuai unit tentera berkuda,
Sempena Hari kebangsaan India.

Berminat dalam bidang kecantikan,
Penjagaan wajah jadi tumpuan,
Penjagaan set Luvins diasaskan,
Ayahanda bonda memberi dorongan.

(*Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R148 & R189*)

25 Disember 1987, lahir putera kedua pasangan diraja Johor ini, Tuanku Idris Iskandar Ismail Abdul Rahman Al-Haj ibni Sultan Ibrahim. Putera raja ini juga menerima latihan ketenteraan di PULADA (Pusat Latihan Darat) pada tahun 2006. Tuanku Idris Iskandar meminati dunia ketenteraan dan berkhidmat dalam pasukan Regiman Askar Melayu Diraja. Sekarang putera raja ini seorang pegawai berpangkat Mejar dalam Pasukan Udara, tentera Darat Malaysia. Putera raja ini juga mampu mengendali helikopter dan dikatakan sangat cekap dan berkebolehan. Kemampuan ini membolehkan putera raja ini menerima pentaulahan dalam mengendali helicopter (*Adat Istiadat Kesultanan Johor 1855-2012, 2013 ms 34-35*).

Putera raja ketiga, Tuanku Abdul Jalil Iskandar Al-Haj ibni Sultan Ibrahim dijemput Ilahi pada 5 Disember 2015. Sebagai mengingat kematiannya,

Yayasan Kanser ditubuhkan untuk membantu mereka yang tidak berasib baik. Tuanku Abdul Rahman Hasanal Jeffri Al-Haj ibni Sultan Ibrahim, putera keempat Tuanku Sultan yang lahir pada 5 Februari 1993. Putera raja ini telah menerima anugerah Green Beret setelah berjaya menjalani Latihan Gerup Kerak Khas di Kem Iskandar Mersing selama enam bulan. Putera raja ini telah dianugerahkan "sayap" setelah membuat tujuh penerjunan payung terjun. Putera raja ini juga meminati sukan lasak iaitu bot laju. Anak bongsu daripada enam saudara, lahir pada 30 Mei 2001 Yang Amat Mulia Tuanku Abu Bakar Mahmood Iskandar ibni Sultan Ibrahim dan digelar Boo Boo lambang kemanjaan. Putera bongsu diraja ini dikatakan amat penyabar, bijaksana dan sangat memahami istiadat diraja biarpun masih remaja, malah sering menghadiri program-program keistanaan. Putera bongsu ini juga digambarkan memiliki darah seni kerana gemarkan atau meminati seni muzik. Tegasnya, pujian dan sanjungan penulis terhadap keluarga Diraja ini meliputi kejayaan dalam pendidikan, kecantikan, kekacakan, kebijaksanaan, berakhhlak mulia, lasak, memiliki daya kreativiti yang tinggi.

PENDIDIKAN

Taraf pendidikan peringkat rendah, menengah dan peringkat universiti yang diperoleh kedua-dua sultan juga menjadi idea kepengarangan. Kejayaan yang dicapai dalam pendidikan sultan mereka menjadi satu kebanggaan kedua-dua penulis.

TARAF PENDIDIKAN

Pendidikan adalah antara idea yang diutarakan oleh kedua-dua penulis teks syair ini. Kedua-dua raja bagi negeri Perak dan Johor mempunyai tahap pendidikan yang tinggi. Oleh sebab itu, penulis menjadikan taraf pendidikan raja bagi negeri masing-masing menjadi bahan atau idea dalam penceritaan atau rakaman sejarah. Objektifnya jelas adalah sebagai satu pujian dan sanjungan kedua-dua penulis terhadap raja mereka. Taraf pendidikan bagi raja negeri Perak dan Johor ini bermula daripada peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat paling tinggi. Sultan Azlan Shah mendapat pendidikan di peringkat rendah sejak berumur tujuh tahun. Baginda mendapat pendidikan peringkat rendah ini pada tahun 1935 iaitu Sekolah Melayu. Baginda menamatkan pendidikan peringkat rendahnya ini dalam tempoh lima tahun. Ini bermakna setelah usianya mencelah dua belas tahun,

berakhirlah tempoh atau tahap pendidikan baginda di peringkat sekolah rendah. Seterusnya, baginda Sultan Azlan Shah meneruskan pendidikannya ke peringkat yang lebih tinggi iaitu peringkat sekolah menengah di sekolah yang beraliran Inggeris. '*Government English School*' menjadi lokasi pilihan untuk meneruskan pendidikan baginda bagi peringkat sekolah menengah.

Selain mendapat didikan dalam bidang akademik, Sultan Azlan Shah juga turut menerima didikan ilmu agama. Dalam pada masa yang sama didikan dalam ajaran kesucian dan ketinggian hidup beragama turut ditekankan. Baginda perlu menamatkan bacaan al-Quran dari juzuk pertama hingga juzuk yang ke-30. Setelah berjaya menamatkan bacaan ayat suci al-Quran, baginda melalui proses pengisytiharan atas kejayaan menyudahkan bacaan kitab suci tersebut melalui majlis khatam al-Quran. Hasrat bondanya, Hatjah Ahmad agar anakandanya Sultan Azlan ini mampu membaca dan menamatkan bacaan kitab suci al-Quran ini kerana berpegang dengan satu keyakinan bahawa al-Quran pembentuk jiwa manusia. Hal ini juga yang diperkatakan oleh Hassan Mahmud Al-Hafiz, membaca al-Quran al-Karim adalah merupakan sebahagian daripada ibadat yang bertujuan untuk memberi kesan dalam pembentukan jiwa insan (1986: 18). Di samping itu, masyarakat Melayu mempercayai bahawa dengan memberi didikan anak-anak membaca al-Quran adalah satu langkah untuk memastikan bahawa kelangsungan generasi mampu membaca kitab ini akan terus berkekalan. Hal ini demikian kerana orang-orang Melayu mengharapkan agar masyarakat Islam di Malaysia ini tidak akan mengalami kekurangan ahlinya dalam kebolehan membaca al-Quran. Situasi inilah yang dibimbangi oleh para qari dan hafiz al-Quran seperti yang diutarakan oleh Hassan Mahmud al-Hafiz. Dalam mukadimah melalui karyanya *Pelajaran Ilmu Tajwid al-Quran Rasmi Usmani*, katanya...Menurut hemat saya pada akhir-akhir ini masyarakat Islam di Malaysia khasnya makin hari makin kekurangan kebolehan membaca al-Quran (1986: v).

Mengaji Quran dan sunat khataman,
Dua perkara elok disegerakan,
Selesai habis semua disempurnakan,
Lapanglah dada- kedua-dua penanggungan.

(*Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat R192*)

Sultan Azlan Shah berjaya memperoleh sijil *Junior Cambridge* semasa darjah lapan di sekolah

Government English School. Kebiasaannya, pelajar yang telah memperoleh sijil pada tahap ini akan menamatkan pembelajaran dan berusaha untuk mendapatkan pekerjaan. Walau bagaimanapun, Sultan Azlan Shah memilih meneruskan pengajian ke peringkat seterusnya untuk memperoleh sijil tertinggi iaitu Senior Cambridge. Untuk mendapatkan sijil ini, baginda perlu melalui proses pengajian ke peringkat darjah sembilan. Baginda tidak berhenti setakat itu, namun meneruskan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi iaitu ke Tingkatan Enam di Kolej Melayu Kuala Kangsar. Baginda berjaya memperoleh keputusan yang cemerlang untuk sijil HSC (Higher School Certificate).

Kini disambung riwayat Raja Azlan,
Selepas tamat Darjah Sembilan,
Dahulu tiada panggilan tingkatan,
'Senior Cambridge' tertinggi kelulusan.

'Junior Cambridge' disebut Darjah Lapan,
Ramai berhenti mencari pekerjaan,
Bernaibis baik menyambung pelajaran.

Kelulusan dicapai sangatlah cemerlang,
HSC dulu secebis sijil terbilang,
Memilikinya orang sangatlah kurang,
Menggenggam kelulusan ke England terbang.

(*Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat R 637. 638 &655*)

Seterusnya Sultan Azlan Shah meneruskan pengajian ke peringkat Universiti. Baginda telah memilih negara Eropah iaitu England. Disiplin perundangan menjadi pilihan baginda ketika menuntut di England. Kegigihan baginda dalam menimba ilmu, akhirnya ijazah dalam *Bachelor of Law* berjaya dirangkul. Kejayaan ini sekali gus telah meletakkan baginda sebagai seorang anak raja yang memiliki kelulusan tertinggi dan menjadi kebanggaan bukan sahaja kepada kerabat keluarga golongan raja tetapi juga seluruh rakyat Perak. Ini diperakui sendiri oleh Irham Aqil bin Zulkifli (2018: 144) yang mengatakan Raja Azlan Shah diputerakan di Batu Gajah, Perak. Baginda merupakan satu-satunya Sultan Perak yang mempunyai kelayakan akademik yang tinggi dalam sejarah Kesultanan Negeri Perak serta menjawat jawatan tertinggi dalam bidang kehakiman.

Demikianlah berlaku kepada Azlan.
Lulus HSC pergi ke England,
Seberang Laut melanjutkan pelajaran,
Disiplin Perundangan ilmu tuntutan.

Beberapa tahun berlalu berulangan,
Luluslah Azlan bidang perundangan,
'Bachelor of Law' panggilan ijazahan,
Berbangga keluarga rakyat keseluruhan.

(*Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat R 665 &657*)

Seperti kanak-kanak lain, DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar juga mendapat pendidikan. Baginda mendapat pendidikan peringkat rendah juga peringkat menengah. Baginda mendapat pendidikan peringkat rendah di Sekolah Temenggung Abdul Rahman 1(satu) iaitu sekolah pertama baginda. Kemudian baginda ke Australia untuk menyambung pelajarannya di *Trinity Grammar School*. Baginda menyambung pendidikan di Australia ini selama dua tahun iaitu bermula pada tahun 1968 hingga 1969. Kemudian baginda meneruskan pendidikan peringkat menengahnya di sekolah menengah yang dikenali sebagai Maktab Sultan Abu Bakar setelah sekembalinya ke Johor.

Di Johor Bahru sekolahnya baginda,
Rendah dan menengah kedua-dua,
Di Temenggung Abdul Rahman ia mula,
Maktab Sultan Abu Bakar diikuti pula.

Dua tahun berkelana di Australia,
Trinity Grammar sekolahnya ia,
Disiplinkan diri sejak belia,
Tekun belajar sepanjang masa.

(*Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R16 & 20*)

Sebagai seorang Muslim, keluarga diraja Johor sangat menitikberatkan ajaran agama Islam dalam kehidupan. Sehubungan itu, Sultan Ibrahim telah diberi didikan awal dalam ajaran agama suci ini di peringkat sekolah rendah. Baginda telah bersekolah di Sekolah Agama Bukit Zaharah dan Sekolah Agama Air Molek di Johor Bahru bagi mempelajari asas-asas agama Islam.

Ilmu agama turut dikuasai,
Tahu tajuid boleh mengaji,
Tamat muqadam Quran dituruti,
Agar menjadi Islam sejati.

(*Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R18*)

Objektif utama pemberian pendidikan akademik dan agama adalah untuk pembentukan

insan seimbang. Insan seimbang ialah manusia yang bijak mengurus kehidupan berdasarkan ajaran agama Islam. Keintelektualan yang dimiliki hasil daripada pembelajaran akademik seharusnya diimbangi dengan kepercayaan dan keyakinan kepada keesaan Allah SWT. Situasi ini akan melahirkan manusia yang bijak dalam memilih jalan kehidupan yang lebih baik. Selain itu, akan melahirkan manusia yang akan berfikir sebelum bertindak. Hal inilah yang diharapkan oleh ibu bapa Sultan Ibrahim. Harapan semoga Sultan Ibrahim bakal menjadi remaja yang sempurna.

Tamat sekolah Melayu dan agama,
Bijak baginda baca mengira,
Manfaat baik dan mana cela,
Jadilah baginda remaja sempurna.

(*Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R19*)

Kehidupan seseorang yang memiliki keintelektualan tanpa agama akan pincang hidupnya. Oleh itu, pendidikan dalam ajaran agama menjadi satu kemestian dalam kehidupan golongan diraja ini. Situasi ini diperkuuh melalui pandangan Mana Sikana (1988: 144) dalam penulisannya. Antara budaya agama dan budaya Islam yang mengatakan bahawa menjadi pokok budaya Islam ialah akidah, yang menjunjung keesaan Tuhan dan membenarkan kerasulan Muhammad SAW ketiadaan budaya ini menjadikan budaya lain tidak bermakna.

Setelah tamat pendidikan rendah dan menengah, Sultan Ibrahim dihantar ke Pusat Latihan Darat (PULADA) oleh ayahandanya. Baginda menerima latihan asas ketenteraan selama enam bulan di PULADA. Setelah itu, baginda dihantar pula ke Amerika dan Bandung untuk latihan kawad dan pendisiplinan diri cara tentera. Latihan ketenteraan perlu baginda ikuti untuk mempersiapkan diri dalam membina ketahanan fizikal dan mental. Memandangkan baginda bakal menjadi pewaris sultan atau pemerintah Johor. Hal ini demikian kerana sebagai seorang sultan akan berdepan dengan pelbagai situasi dan keadaan. Selain itu, agar baginda memiliki semangat serta jiwa yang berani. Dengan ilmu ketenteraan yang dipelajari juga akan membentuk kekuatan dan jati diri. Malahan daya kepimpinan juga akan lahir melalui proses latihan yang lasak dan tersusun. Perkara ini jelas diungkapkan dalam petikan syair berikut.

Sultan Johor bakal miliknya,
Pemerintah sekelian takluknya,
Disiapkan diri untuk waktunya,
Ilmu tentera pilihan ayahnya.

Dari PULADA hingga ke Amerika,
Di Bandung juga beberapa ketika,
Latihan kawad ditekuni setia,
Disiplinkan diri cara tentera.

Di PULADA enam purnama,
Berhujan berpanas jadi biasa,
Kulit cerah berubah warna,
Kecekalan diri senjata utama.

(*Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R21, 23, & 24*)

Hal inilah yang diperjelas dalam Portal Rasmi Kerajaan Negeri Johor Darul Takzim. Melalui portal ini dinyatakan tujuan latihan ketenteraan diberikan kepada bakal pemerintah. Baginda perlu melibatkan diri dalam aktiviti ketenteraan, pengurusan dan pentadbiran yang dijadikan asas untuk membina semangat juang, disiplin, kepimpinan dan perwatakan. Latihan ketenteraan baginda tidak terhenti setakat itu. Tuanku mengambil bahagian dalam latihan ketenteraan untuk pegawai muda di Fort Benning, Georgia USA. Selain itu Tuanku juga menjalani latihan ‘airborne’ dan ‘ranger’ untuk pegawai infantri.

Georgio Amerika telah didatangi,
Fort Benning tempat disertai,
Pusat latihan tentera infantri,
Diasas Wilson sejak dulu lagi.

(*Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R26*)

Selepas berehat selama dua bulan, Tuanku meneruskan latihan ‘American Special Forces’ dan ‘Pathfinder’. Tuanku telah membuat 19 terjunan payung terjun, lapan darinya pada waktu malam. Tuanku dipilih dan ditauliahkan sayap dan dijadikan sebagai seorang komando. Tuanku juga ditauliahkan sebagai anggota pasukan SEAL (tentera laut dan darat). Selain itu Tuanku melakukan beberapa penerjunan di Bandung Indonesia sebelum ditauliahkan sebagai ahli kehormat Komando Pasukan Khusus (KOPASSUS) Indonesia.

Di Bandung juga lakukan penerjunan,
Terserlah bukti akan keberanian,
Ahli KOPASSUS lalu ditauliahkan,
Anggota SEAL yang handalan.

(*Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R30*)

Sekembalinya ke Johor, Tuanku dilantik sebagai Timbalan Pegawai Pemerintah Askar Timbalan Setia Negeri. Dalam masa yang sama Tuanku menjalani latihan juruterbang helikopter dengan Tentera Udara Diraja Malaysia. Dengan kecekapan yang ditunjukkan Tuanku dibenarkan mengendalikan penerbangan helikopter perseorangan. Dengan kesungguhan dan ketabahan, Tuanku berjaya lulus satu kursus lebih awal dari peserta lain. Tuanku dikurniakan dan menerima sayap pada 26 April 1982 daripada Sultan Iskandar dalam satu upacara perbarisan dalam mana Tuanku menjadi ketuanya. Tuanku juga menyertai selama tiga bulan latihan tentera laut di Pengkalan Tentera Laut Diraja Malaysia di Lumut, sekali gus melengkapkan Tuanku sebagai pegawai tentera darat, laut dan udara.

Memacu helikopter dicuba juga,
Bersama Tentera Udara Diraja,
Menimba ilmu sangat berharga,
Di Kluang sejarah telah tercipta.

(*Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R32*)

Bagi mengimbangi latihan ketenteraan dan untuk menjadikan Raja yang berwibawa dan dihormati, Tuanku meneruskan pelajaran di *Fletcher School of Law and Diplomacy* di Boston, Massachusetts USA. Tuanku menyertai dan melengkapki dua kursus, ‘Southeast Asian Strategic Studies’ dan ‘International Laws of the Seas’.

Kali kedua ke Amerika Syarikat,
Latihan lanjutan ilmu ditingkat,
Sayap penerbangan jadi amanat,
Johor ditinggalkan lalu berangkat.

Ke Amerika Syarikat buat kali ketiga,
Medford, Massachusetts pula kelana,
Universiti Tufts hala nan baginda,
Perundangan diplomasi tekuni pula.

(*Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R33&34*)

Terdapat perbezaan yang ketara dalam pendidikan antara dua sultan ini. Sultan Azlan pemerintah negeri Perak memiliki pendidikan dalam bidang kehakiman. Negara Eropah iaitu England telah menjadi lokasi pilihan baginda untuk menuntut ilmu kehakiman ini. Jawatan sebagai peguam disandang sebelum baginda diangkat menjadi Sultan Perak. Sultan Ibrahim, sultan Johor pula memiliki pendidikan dalam bidang ketenteraan. Ilmu ketenteraan seperti latihan kawad, penerjunan dan pengendalian helikopter berjaya baginda peroleh. Pusat latihan ketenteraan di PULADA, Bandung, Amerika Syarikat dan Pengkalan Tentera Laut Diraja Malaysia inilah ilmu berkenaan diperoleh. Latihan ketenteraan ini menjadikan baginda lebih berdisiplin, kuat, kental dan berani dalam menghadapi cabaran dalam melaksanakan pentadbiran kerajaan negeri Johor.

KESIMPULAN

Tuntasnya, kedua-dua sultan iaitu sultan Perak, Sultan Azlan Shah dan sultan Johor, Sultan Ibrahim yang dilukiskan oleh pengarang bagi teks syair masing-masing mempunyai sifat luhur yang murni. Kepengarangan bagi kedua-dua penulis syair diraja kontemporari ini dilihat seolah-olah ada persamaan dalam mendokumentasikan kehebatan raja masing-masing. Nilai diri yang tinggi digambarkan melalui keluhuran sikap yang dimiliki seperti rendah hati dengan tidak angkuh dan sompong walaupun berketurunan darah raja. Hubungan dengan rakyat dibina erat yang mengangkat baginda keduanya sebagai raja berjiwa rakyat.

Penulis negeri Perak menyampaikan kepengarangannya melalui nilai ketaatan dengan menggambarkan bahawa Sultan Azlan Shah telah meletakkan bondanya dalam hierarki teratas dalam dirinya. Konsep ajaran Islam bahawa ‘syurga di bawah tapak kaki ibu’ menjadi pegangan atas hidup baginda. Selain itu, segala masalah yang ditanggung kepada bondanya diluhahkan, kepercayaan terhadap bondanya menjadi batu asas dalam diri sultannya. Dengan nilai ketaatan yang tinggi terhadap bondanya sebuah tugu atau batu tanda telah dibina demi kasih sayang terhadap bonda tercinta. Sebuah masjid yang sememangnya dibina oleh bondanya sendiri ketika hidupnya untuk agama Islam tercinta telah diperbaharui juga dikemas kini oleh baginda dengan penamaan semula Masjid Toh Puan Hatijah. Semua ini baginda lakukan demi rasa taat

nan kasih baginda kepada bonda tercinta. Pujian penulis terhadap rajanya dapat diamati dalam dua konteks. Pertama pegangan hadis nabi bahawa “Syurga di bawah telapak kaki ibu” dipahat utuh dalam jiwa juga minda malah tindakannya. Kedua, ketaatan kepada bonda tercinta jelas terlihat dalam kepercayaan baginda untuk berkongsi cerita suka duka hidupnya.

Nilai keluhuran dalam konteks ketaatan yang dilukis oleh penulis Johor iaitu Maskiah Masrom terhadap rajanya dinukilkan pengarang dengan nilai hubungan dengan Khaliqnya. Ketaatan Sultan Johor dijuruskan dengan ajaran-ajaran syariat yang wajib untuk dilaksanakan. Dalam membina hubungannya sebagai hamba kepada Pencipta, Sultan Johor tidak mengabaikan tugas juga peranannya sebagai pemimpin yang perlu untuk menjaga, memelihara dan menyantuni rakyat naungannya. Kebijaksanaan penulis jelas terlihat dalam pemaparan ketaatan rajanya kepada Sang Pencipta yang di kombinasi dengan ketaatan sultan Johor ini terhadap tugas dan amanah sebagai pemimpin atau payung negeri. Hasrat baginda sebagai pemerintah juga payung rakyat negerinya keutamaannya adalah untuk memastikan seluruh rakyat mendapat hak yang wajar mereka miliki. Tuntasnya, nilai ketaatan yang baginda tonjolkan dan dinukilkan oleh penulis Johor dalam syair dirajanya. Situasi ini telah meletakkan baginda sangat dekat di hati rakyat. Sikap baginda yang merakyatkan dirinya telah menjulang kedudukan juga ketinggian baginda dalam jiwa rakyat Johor.

Penulis *Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat* hanya memaparkan susur keluarga Sultan Azlan Shah daripada keturunan bonda dan ayahandanya sahaja. Bonda baginda sultan biarpun bukan berketurunan darah raja tetapi merupakan anak kepada seorang usahawan berjaya. Usahawan yang berjaya dalam bidang perlombongan dan pertanian yang dikenali sebagai Encik Ahmad. Beliau digambarkan memiliki sejumlah besarkekayaan dengan memiliki ladang getah dan membuka perlombongan di Batu Gajah Perak. Beliau turut digambarkan sebagai orang berharta dan kediamannya laksana sebuah kota. Selain itu, Encik Ahmad juga digambarkan sebagai seorang intelektual. Beliau berkemampuan menulis dan membaca pada zamannya. Setelah puterinya Hatijah Puan dikahwini oleh Sultan Yusuf, Encik Ahmad telah diberi gelaran Tok Indera Dewangsa. Penceritaan kekeluargaan yang disampaikan oleh penulis Johor dalam syair diraja ini, dengan

memusatkan biodata keluarga diraja Johor dalam banyak aspek. Seperti pendidikan, hobi, minat dan kebolehan. Selain itu, penulis juga memuatkan penceritaan seluruh ahli keluarga rajanya. Bermula daripada isteri, anak-anak baginda malah menantu bagi raja berkenaan turut diceritakan bersama.

Sultan Azlan pemerintah negeri Perak memiliki pendidikan dalam bidang kehakiman. Negara Eropah iaitu England telah menjadi lokasi pilihan baginda untuk menuntut ilmu kehakiman ini. Sebelum diangkat menjadi Sultan Perak, baginda memegang jawatan sebagai peguam. Berbanding dengan pendidikan Sultan Johor, Sultan Ibrahim baginda memiliki pendidikan dalam bidang ketenteraan. Baginda menuntut pelbagai ilmu ketenteraan seperti latihan kawad, penerjunan dan pengendalian helikopter. Pelbagai lokasi latihan ketenteraan baginda terokai seperti di PULADA, Bandung, Amerika Syarikat dan Pengkalan Tentera Laut Diraja Malaysia. Latihan-latihan ini membolehkan baginda menjadi lebih berdisiplin, kuat, kental dan berani dalam menghadapi cabaran dalam melaksanakan pentadbiran kerajaan negeri Johor.

Keluhuran, nasab keluarga dan pendidikan ialah idea, skop atau kriteria yang menjadi isi penceritaan dalam dua karya syair diraja. Ketiga-tiga idea, skop atau kriteria inilah yang menjadi bahan kepengarangan bagi kedua-dua penulis. Kedua-dua penulis berhasrat untuk menunjukkan ketaatan sebagai rakyat Malaysia. Rakyat Malaysia yang berpegang kepada prinsip Rukun Negara iaitu ketaatan kepada raja dan negara. Tuntasnya keseluruhan rakaman sejarah ini berhubung pujian terhadap sultan yang merupakan pemerintah kepada negeri yang diduduki penulis.

RUJUKAN

- Abdul Hadi W.M. 1995. *Hamzah Fansuri Risalah Tasawuf dan Puisi-puisinya*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Abdul Rahim Ramli. 2013. *Adat Istiadat Kesultanan Johor Moden 1855-2012*. Johor Bahru: Penerbit UTM Pres.
- Ali Ahmad & Siti Hajar Che' Man. 1996. *Sastera Melayu Warisan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anon. 2003. *Tokoh-tokoh Batu Gajah Perak*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- DYMM Sultan Johor-Portal Rasmi Kerajaan Negeri Johor. Diakses dari <http://johor.gov.my>, kerajaan.
- Hassan Mahmud Al-Haffiz. 1986. *Pelajaran Ilmu Tajwid Al-Quran Rasm Usmani*. Kuala Lumpur: Dinie Publisher.
- Ibrahim Mohd Said. 2006. *Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat*. Kuala Lumpur: Jabatan Arkib Negara.
- Irham Aqil bin Zulkifli. 2018. *Kesultanan Perak “Menjejaki Makam Para Sultan*. Kuantan: Geruda Merah Press.

Jelani Harun. 2015. Jurnal Iman. *Syair Tawarikh Zainal Abidin Yang Ketiga Sebuah karya Agung Terengganu*
Mana Sikana. 1988. *Khazanah Islam Falsafah dan Kesusastraan*. Selangor: Penerbit Karyawan.

Rosnani Binti Ibrahim
Lot 17460 Lebuh Rajawali,
Kampung Dato Ahmad Said,
Tambahan 2,
30020 Ipoh
Perak Darul Ridzuan
E-mail: rosanie74@gmail.com

Diserahkan: 17 Jun 2021

Diterima: 15 Disember 2021

- Masjid Toh Puan Besar Hatijah Batu Gajah. Diakses dari agar kutidaklupa.blogspot.com.
- Maskiah Masrom. 2018. *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar*. Johor Bahru: Jabatan DiRaja Johor, Istana Besar.
- Muhamamid Yusuf Hashim. 1991. *Terengganu Darul Iman Tradisi Pensejarahan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nikmah Sunardjo, Sulistiati & Yeni Mulyani. 2001. *Analisis Struktur dan Nilai Budaya Syair Bertema Sejarah: Syair Sultan Mahmud di Lingga, Syair Perang Banjarmasin dan Syair Raja Siak*. Jakarta: Pusat Bahasa Departemen Pendidikan Nasional.
- Noriah Mohamed. 2001. *Syair Almarhum Baginda Sultan Abu Bakar di Negeri Johor*. Johor: Yayasan Warisan Johor.